



la juga bermakna
beliau juga
bercita-cita
menjadi PM”

Mohd Izani Mohd Zain,
Penganalisis politik di Fakulti Ekologi
Manusia, Universiti Putra Malaysia

➔ **Bekas
Menteri Besar
Kedah terlalu
lemah, terpaksa
'bertongkat'
kepada Dr M**



Perdana Menteri”

Badrul Hisham Shaharin,
Pengasas Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM)



kenyataan Mukhriz itu jelas menunjukkan bekas Menteri Besar Kedah itu sememangnya bercita-cita mahu menjadi

Perdana Menteri”



Kemajuan terencat bawah pemimpin 'kitar semula'

Petra Jaya: Kemajuan Malaysia pasti terencat jika berada di bawah kepimpinan pemimpin 'kitar semula' seperti yang cuba dilakukan pembangkang dalam menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg, berkata ketidaksepakatan dalam kalangan parti pembangkang juga dikhuatiri boleh memperjudikan masa depan negara dan rakyat jika mereka diberi peluang membentuk kerajaan.

"Mereka (pembangkang) tidak dapat menjamin masa depan negara kerana berpecah belah, apatah lagi cuba mengambil pemimpin 'kitar semula' untuk mempengaruhi rakyat."

"Barisan Nasional (BN) adalah penentu masa depan. Gabungan kita (parti komponen) sentiasa mahu bergerak ke hadapan, berusaha membawa kemajuan kepada negeri dan negara, selain meningkatkan taraf kehidupan rakyat," katanya.

Tolak cubaan pembangkang

Bercakap kepada media selepas mempergunakan Mesyuarat Khas Majlis Tertinggi BN Sarawak di sini semalam, Abang Johari yang juga Pengurus BN Sarawak, berkata rakyat seharusnya menolak cubaan pembangkang menggunakan khidmat pemimpin 'kitar semula'.

"Kita tidak boleh mempunyai pemimpin kitar semula. Keharuanan pengundi kita

'Mukhriz mahu jadi PM'

► Kuala Lumpur

Kenyataan Datuk Seri Mukhriz Mahathir bahawa ahli politik bercita-cita menjadi pemimpin, termasuk Perdana Menteri di Mahkamah Tinggi, kelmarin jelas menunjukkan beliau sememangnya mempunyai hasrat untuk memegang jawatan nombor satu dalam kerajaan itu.

Penganalisis politik di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Felo Bersekutu Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berkata walaupun kenyataan dibuat Mukhriz di Mahkamah Tinggi itu merujuk kepada semua ahli politik, ia juga secara tidak langsung merujuk kepada di-

rinya sendiri.

Cita-cita mahu jadi PM

"Ia juga bermakna beliau juga bercita-cita menjadi PM," kata dia mengulas kenyataan Mukhriz di Mahkamah Tinggi, kelmarin.

Kenyataan itu dikeluarkan ketika menjadi saksi hari pertama perbicaraan kes saman yang dia failkannya terhadap Abdul Aziz selaku defendan berhubung dakwaan isu pakatan sulit Mukhriz dan Lim Kit Siang untuk jawatan Perdana Menteri.

Mukhriz, 53, selaku plaintif berkata, bukan satu kesalahan jenayah untuk mana-mana anggota politik yang ingin memberi perkhidmatan kepimpinan yang telus kepada masyarakat mempunyai hasrat itu (untuk menjadi Perdana Menteri), se-

lagi ia melalui cara yang betul dan sah demi kepentingan masyarakat.

Mukhriz lemah

Sementara itu, Pengasas Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), Badrul Hisham Shaharin (Chegubard), berkata kenyataan Mukhriz itu jelas menunjukkan bekas Menteri Besar Kedah itu sememangnya bercita-cita mahu menjadi Perdana Menteri.

Malangnya, beliau berkata, Mukhriz sangat lemah dan terpaksa 'bertongkat' kepada bapanya.

"Mukhriz hanya watak anak yang lemah sehingga digelar boboi... dia memang bercita cita tapi sangat lemah.. dan bergantung dengan bapanya semata mata," katanya.